



Mohd Isa dan Koon Mun (depan) menunjukkan keadaan tebing Jambatan Kampung Lekok yang runtuh sehingga tidak dapat dilalui.

Lima jambatan **berisiko**

Cuci gali sungai tidak terkawal punca hakisan

HULU YAM - Kerja cuci gali sungai di Sungai Liam B, di sini, didakwa tidak terkawal kerana tiada pemantauan hingga menyebabkan berlaku hakisan tebing sungai di kawasan berkenaan.

Malah, struktur Jambatan Gantung Kampung Baru Gurney condong dan tebing jambatan Kampung Lekok yang runtuh juga didakwa berpunca daripada kerja cuci gali itu.

Pada masa sama, tiga lagi jambatan sepanjang Sungai Liam berisiko berdepan kejadian sama.

Cuci gali tidak terkawal

AHLI Dewan Undangan Negeri (Adun), Batang Kali, Datuk Mohd Isa Abu Kasim berkata, biarpun cuci gali itu dilakukan atas kebenaran pihak berkuasa, namun ia mengundang masalah kerana tidak terkawal.

"Walaupun ada permit dan kerja dilakukan bertujuan melancarkan aliran air tetapi apabila ia tidak dipantau serta tiada kawalan menyebabkan kesan buruk berlaku.

"Kesan hakisan tebing berlaku di sepanjang



MOHD ISA



KEE HUAT



KOON MUN

sungai menyebabkan runtuh tanah sehingga jambatan condong dan runtuh," katanya.

Menurutnya, berdasarkan pemerhatian terhadap lokasi berkenaan di Kampung Baru Tambahan, timbunan pasir sungai yang digali didakwa melebihi had.

Katanya, pasir sungai yang dinaikkan jauh lebih banyak jika hendak dibandingkan dengan

tarikh mula operasi cuci gali.

"Jambatan gantung Kampung Baru Gurney condong walaupun dikatakan baru dibaiki dan kemudian ada aduan tebing jambatan Kampung Lekok runtuh.

"Kita percaya ada kegiatan curi pasir dan kerja itu sudah lama dilakukan serta tiada pemantauan pihak berkuasa," katanya.

Jambatan belum dibaiki

SEMENTARA itu, masih tiada sebarang kerja baik pulih dilakukan pada tebing jambatan Kampung Lekok yang runtuh sejak seminggu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Hulu Yam Lama, Law Kee Huat berkata, pihak berkuasa hanya mengikat tali kuning sebagai tanda dan halangan keselamatan kerana jambatan tersebut tidak boleh dilalui.

"Penduduk kampung terjejas hubungan dengan tempat lain kerana jambatan runtuh.

"Semua gara-gara kerja korek pasir, jika tidak masalah begini tidak akan berlaku," katanya.

Menurutnya, jika kerja cuci gali itu tidak dihentikan segera, ia boleh menyebabkan lebih banyak runtuhan dalam sedikit masa lagi.

Aktiviti mencuriga

KERJA cuci gali sungai juga didakwa agak mencurikan terutamanya di kawasan Kampung Baru Tambahan.

Adun Kuala Kubu Bharu, Wong Koon Mun berkata, dasar sungai di kampung tersebut terlalu dalam hingga mengakibatkan halaju aliran air yang boleh mengundang hakisan.

"Kalau halaju berlaku, kelajuan air tinggi dan menyebabkan hakisan tebing, malah, pasir yang dilonggokkan di sini hanya sementara saja.

"Saya pasti pasir ini akan dibawa keluar dan perkara ini tidak dipantau," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mempersoalkan sama ada pihak berkuasa membuat kajian terhadap kelajuan air setelah pasir di korek atau tidak.

Menurutnya, ketiadaan pemantauan dan penguatkuasaan menyebabkan berlaku hakisan dan tebing runtuh sehingga menjejaskan struktur jambatan.

"Kemungkinan kita akan mengadakan sidang media lebih kerap atau sebulan sekali kerana adanya kejadian jambatan runtuh jika kerja cuci gali itu tidak dikawal," katanya sambil berseloroh.

Pada masa sama, Mohd Isa dan Koon Mun mempersoalkan kos diperuntukkan untuk baik pulih jambatan dengan hasil pasir yang diumumkan Kerajaan Negeri mencecah RM150 juta setahun.

Menurut mereka, jika kesan pada Jambatan Gantung Kampung Baru Gurney dan keadaan Jambatan Kampung Lekok yang masih terbiar diambil kira, sudah tentu Kerajaan Negeri hanya cakap tetapi tidak serupa bikin.



Keadaan tebing runtuh yang semakin serius menyebabkan ia tidak boleh dilalui penduduk.



Tali kuning diikat pada palang jambatan kerana berbahaya kepada pengguna.